

Pengenalan

OTIS WORLDWIDE CORPORATION, termasuk mana-mana subsidiarinya (selepas ini dirujuk sebagai "OTIS") menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan yang didayakan secara digital melalui produk, keupayaan perkhidmatan penyelenggaraan, tapak web, aplikasi dan halaman media sosial kami ("Perkhidmatan" kami).

Terma Penggunaan ini harus mentadbir, terma di luar perjanjian khusus yang anda meterai bagi sesuatu aplikasi dengan Otis, yang termasuk terma yang mengantikan, bercanggah, meluaskan atau mengehadkan Terma Penggunaan ini. Sebagai tambahan kepada Terma Penggunaan ini, anda harus mematuhi mana-mana dasar atau syarat yang diberikan kepada anda bersama dengan Perkhidmatan tersebut dan semua undang-undang dan peraturan tempatan yang berkenaan.

Lesen Terhad

Melalui Terma Penggunaan ini, Otis memberi anda hak yang tidak eksklusif, tidak boleh dipindah milik, peribadi, terhad untuk mengakses Perkhidmatan dan bahan iringan pada peranti pengkomputeran peribadi anda atau seperti yang dipersetujui. Kebenaran ini bukan pemindahan hak milik kepada Perkhidmatan atau bahan iringan dan tertakluk pada sekatan yang berikut: (1) anda tidak harus menyalahgunakan atau melesapkan sebarang harta intelektual dan anda harus menghormati hak cipta dan notis empunya yang lain; (2) anda tidak harus mengubah suai Perkhidmatan tersebut dengan apa jua cara atau menghasilkan semula atau mempamerkan, melaksanakan atau mengedarkan kepada umum atau menggunakan Perkhidmatan atau bahan iringan bagi sebarang tujuan awam atau komersil, melainkan dipersetujui secara khusus dalam bentuk tulisan yang berasingan; (3) anda tidak boleh menyahkompil, mentafsirkan kod, memisahkan, melaksanakan kejuruteraan berbalik atau berusaha untuk mengakses kod sumber Perkhidmatan atau sebarang fail kandungan atau kerja lain; (4) anda tidak boleh mengedarkan, menerbitkan, menyewa, memajak, meminjam, memindahkan, membahagikan-bahagikan kepada lesen kecil, mendedahkan atau memberikan Perkhidmatan tersebut kepada mana-mana pihak ketiga; dan (5) anda tidak boleh mengubah suai atau mencipta kerja derivatif Perkhidmatan tersebut sama ada secara keseluruhan atau sebahagian.

Pemeliharaan Hak dan Pemilikan

Otis atau pembekalnya memiliki semua hak, hak milik dan kepentingan, termasuk semua hak harta intelektual, pada dan kepada Perkhidmatan dan bahan iringan tersebut dan mempunyai semua hak, hak milik dan kepentingan, termasuk semua hak harta intelektual, pada dan kepada Perkhidmatan tersebut dan termasuk semua hak yang tidak diberikan secara terang-terangan kepada anda. Perkhidmatan tersebut dan semua kandungan tapak ini dilindungi oleh hak cipta dan undang-undang serta treati harta intelektual lain.

Penafian

Maklumat yang dikemukakan di tapak web Otis dan tapak media sosial adalah untuk makluman sahaja. Otis memberi kandungan kepada tapak web dan tapak media sosial atas dasar "seadanya" dan tidak membuat apa-apa pengakuan atau jaminan berhubung dengan tapak ini atau kandungan tapak ini. Otis menafikan semua pengakuan dan jaminan seumpama itu, sama ada yang tersurat atau tersirat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jaminan kebolehdagangan dan kesesuaian bagi tujuan tertentu. Selain itu, tidak mengaku atau menjamin bahawa maklumat yang boleh diakses melalui tapak ini adalah tepat, lengkap atau semasa.

Perubahan

Kandungan dalam Perkhidmatan adalah tertakluk pada perubahan tanpa notis. Otis berhak menukar atau mengubah suai Terma Penggunaan ini pada bila-bila masa. Perubahan, pengubahsuaihan, tambahan atau pemadaman seumpama itu harus berkuat kuasa dengan serta merta apabila dimaklumkan atau disiarkan. Otis boleh menamatkan, menukar, menggantung atau menghentikan mana-mana aspek Perkhidmatan, termasuk ketersediaan bagi mana-mana ciri tapak web, pada bila-bila masa. Otis juga boleh mengenakan had pada ciri dan perkhidmatan tertentu atau menyekat akses anda kepada bahagian tapak tersebut tanpa notis atau liabiliti.

Hiperpautan

Pautan tertentu yang disediakan melalui Perkhidmatan itu mungkin akan melancarkan tapak Internet yang tidak dikawal oleh Otis. Otis menyediakan pautan luar ini hanya sebagai kemudahan kepada pengguna Perkhidmatannya dan penyediaan mana-mana pautan seumpama itu bukan merupakan sokongan oleh Otis bagi tapak tersebut atau apa-apa kandungan, produk atau perkhidmatan yang terkandung atau yang ditawarkan. Oleh yang demikian, Otis tidak membuat apa-apa pengakuan atau jaminan berkenaan ketersediaan kandungan, termasuk subpautan, yang ditemui di tapak tersebut.

Apabila mendaftar, memesan atau membeli produk atau perkhidmatan daripada mana-mana pihak yang dikaitkan dengan tapak ini, anda akan memeterai perjanjian dengan pihak ketiga itu dan bukan dengan Otis. Dalam hal yang demikian, anda harus menyemak dan memahami terma dan syarat yang disiarkan oleh pihak ketiga seumpama itu dan dasar privasinya sebelum anda mendaftar, memesan atau membeli. Kecuali dan setakat yang dinyatakan secara khusus di sini, dasar privasi dan terma penggunaan yang dinyatakan oleh Otis di sini, tidak akan berkenaan bagi tapak pihak ketiga ini. Otis komited untuk berpaut dengan syarikat yang berkongsi keimbangan privasi kami. Namun, kami tidak dapat dan tidak mengawal cara pihak ini menggunakan atau mengumpulkan maklumat atau mengendalikan perniagaan mereka.

Apabila anda memaut ke tapak pihak lain, anda harus menyedari bahawa syarikat ini mungkin menggunakan kuki atau cara lain untuk mengumpulkan maklumat tentang diri anda dan termasuknya dalam maklumat yang dikumpulkan. Dasar Privasi Global Otis tidak akan diterima pakai.

Penyerahan

Dengan menyerahkan maklumat dan bahan kepada Otis, sama ada melalui e-mel atau sebaliknya, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, maklum balas, soalan, ulasan, saranan, idea, grafik atau fail komputer dalam apa jua jenis, anda, dengan ini, memberi atau mewajarkan secara jelas, bahawa pemilik bahan seumpama itu telah memberikan, dengan jelas, hak dan lesen bebas royalti, tidak boleh ditarik balik, tidak eksklusif kepada Otis untuk menggunakan, menghasilkan semula, mengubah suai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemahkan dan mengedarkan bahan seumpama itu (secara keseluruhan atau sebahagian) ke seluruh dunia dan untuk merangkumkannya dalam kerja lain dalam apa jua bentuk, media atau teknologi yang diketahui pada masa ini atau dibangunkan selepas ini, tertakluk pada Pernyataan Privasi Pengguna Otis.com.

Batasan Liabiliti

TIADA APA SEBAB OTIS ATAU MANA-MANA SUBSIDIARI, SEKUTU, PEKERJA, KONTRAKTOR, PEMBEKAL ATAU WAKILNYA YANG LAIN BERTANGGUNGJAWAB BAGI SEBARANG KEROSAKAN (SAMA ADA SECARA LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, PUNITIF, KHAS, PENTING ATAU SEBALIKNYA) YANG TERBIT ATAU BERHUBUNG DENGAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN TERSEBUT, MELAINKAN DIPERSETUJUI SECARA JELAS DALAM BENTUK TULISAN DAN MENURUT KONTRAK BERTULIS YANG BERASINGAN MENGENAI PEMBELIAN ANDA BAGI PERKHIDMATAN YANG DIPERTIMBANGKAN DI SINI. BATASAN LIABILITI INI TERMASUK LIABILITI BAGI, KEHILANGAN KEUNTUNGAN, GANGGUAN PERNIAGAAN, KEHILANGAN MAKLUMAT ATAU DATA, PELANGGARAN DATA ATAU KEHILANGAN MUHIBAH, KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN KEPADA HARTA BENDA DAN SEBARANG TUNTUTAN YANG DIBUAT OLEH PIHAK KETIGA YANG TERBIT DARIPADA ATAU BERHUBUNG DENGAN PENGGUNAAN, PENYALINAN ATAU PAPARAN TAPAKINI ATAU KANDUNGANNYA ATAU MANA-MANA TAPAK WEB YANG DIPAUT, TANPA MENGAMBIL KIRA SAMA ADA OTIS TELAH DINASIHATI, MENGETAHUI ATAU SEPATUTNYA MENGETAHUI KEMUNGKINAN TERSEBUT. TAMBAHAN PULA, ANDA HARUS MELINDungi DAN MEMPERTAHANKAN OTIS, SEKUTU, SUBSIDIARI, PEKERJA, KONTRAKTOR ATAU WAKILNYA YANG LAIN DARIPADA SEMUA TUNTUTAN DAN PERBELANJAAN YANG TERBIT DARIPADA ATAU BERHUBUNG DENGAN PENGGUNAAN ANDA BAGI TAPAKINI YANG MELANGGAR PERJANJIAN INI ATAU PELANGGAN ANDA BAGI MANA-MANA UNDANG-UNDANG ATAU PERATURAN HAK PIHAK KETIGA.

Penafian Jaminan

SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, PERKHIDMATAN DISEDIAKAN SEPERTI SEADANYA DENGAN SEMUA KEKURANGAN. OTIS DAN SUBSIDIARI,

SEKUTU, PEKERJA, KONTRAKTOR, PEMBEKAL DAN WAKILNYA YANG LAIN DENGAN INI MENAFIKAN SEMUA JAMINAN DAN SYARAT LAIN SAMA ADA YANG TERSURAT ATAU TERSIRAT ATAU BERKANUN, TERMASUK APA-APA JAMINAN, TANGGUNGJAWAB ATAU SYARAT KEBOLEHDAGANGAN ATAU KESESUAIAN YANG TERSIRAT BAGI TUJUAN TERTENTU. JUGA, TIADA JAMINAN ATAU SYARAT BAGI HAK, KENIKMATAN SECARA SENYAP, PEMILIKAN SECARA SENYAP, KEPADANAN DENGAN PERIHALAN ATAU TIADA PELANGGARAN, KEKURANGAN VIRUS ATAU PEPIJAT, KETEPATAN ATAU KESEMPOURNAAN RESPONSA ATAU HASIL BERHUBUNG DENGAN PERKHIDMATAN TERSEBUT. OTIS DAN SUBSIDIARI, SEKUTU, PEKERJA, KONTRAKTOR, PEMBEKAL DAN WAKILNYA YANG LAIN TIDAK MENJAMIN BAHAWA OPERASI PERKHIDMATAN TERSEBUT TIDAK AKAN TERGANGGU ATAU BEBAS RALAT ATAU APA-APA KECACATAN AKAN DIBETULKAN. KESELURUHAN RISIKO YANG TERBIT DARIPADA PENGGUNAAN PERKHIDMATAN TERSEBUT KEKAL BERSAMA ANDA.

Peruntukan Khas yang Diperlukan oleh Penyedia Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih.

Pengguna Peranti Mudah Alik Komputer Apple

- **Pengesahan:** Anda mengesahkan bahawa Terma Penggunaan ini dicapai antara anda Otis sahaja dan bukan dengan Apple. Pemberi lesen, bukan Apple, bertanggungjawab sepenuhnya bagi Aplikasi Lesen dan kandungannya.
- **Skop Lesen:** Anda mengesahkan bahawa lesen yang diberikan di sini untuk Aplikasi Lesen ialah lesen terhad yang tidak boleh dipindah milik bagi menggunakan Aplikasi tersebut pada mana-mana iPhone atau iPod sentuh yang anda miliki atau kawal dan seperti yang dibenarkan oleh Peraturan Penggunaan yang ditetapkan dalam Terma Perkhidmatan App Store.
- **Penyelenggaraan dan Sokongan:** Pemberi lesen bertanggungjawab sepenuhnya bagi menyediakan sebarang perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan berhubung dengan Aplikasi tersebut, seperti yang dinyatakan dalam Terma Penggunaan atau yang diperlukan di bawah undang-undang yang berkenaan. Anda mengesahkan bahawa Apple tidak mempunyai apa jua kewajipan untuk menyediakan sebarang perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan berhubung dengan Aplikasi tersebut.
- **Jaminan:** Pemberi lesen harus bertanggungjawab sepenuhnya bagi sebarang jaminan produk, sama ada yang tersurat atau tersirat dalam undang-undang, setakat yang dikenal pasti di sini dan tidak dinafikan secara berkesan. Sekiranya berlaku sebarang kegagalan Aplikasi untuk mematuhi mana-mana jaminan yang berkenaan, anda boleh memaklumkan Apple dan Apple akan membayar balik harga pembelian, jika ada, bagi Aplikasi tersebut kepada anda. Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan, Apple tidak akan mempunyai kewajipan jaminan lain berhubung dengan Aplikasi tersebut dan sebarang tuntutan, kerugian, liabiliti, kerosakan, kos atau perbelanjaan lain yang disebabkan oleh sebarang kegagalan untuk mematuhi sebarang jaminan akan menjadi tanggungjawab Pemberi Lesen sepenuhnya setakat yang dikenal pasti di sini.
- **Tuntutan Produk:** Anda mengesahkan bahawa Apple, tidak bertanggungjawab bagi menangani sebarang tuntutan berhubung dengan Aplikasi tersebut atau pemilikan pengguna akhir dan/atau penggunaan Aplikasi tersebut, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (i) tuntutan

liabiliti produk; (ii) sebarang tuntutan yang Aplikasi itu tidak mematuhi mana-mana syarat undang-undang atau peraturan yang berkenaan; dan (iii) tuntutan yang terbit di bawah perlindungan pengguna atau perundangan yang serupa.

- **Hak Harta Intelektual:** Anda mengesahkan bahawa, sekiranya terdapat dakwaan pihak ketiga yang Aplikasi itu atau pemilikan dan penggunaan anda bagi Aplikasi tersebut melanggar hak harta intelektual pihak ketiga itu, Pemberi Lesen, bukan Apple, akan bertanggungjawab sepenuhnya bagi penyiasatan, pembelaan, penyelesaian dan pelepasan sebarang dakwaan pelanggaran harta intelektual seumpama itu setakat tidak dinafikan di sini.
- **Pematuhan Undang-undang:** Anda mengaku dan menjamin bahawa (i) anda tidak berada di negara yang tertakluk pada embargo Kerajaan A.S. atau yang telah ditetapkan oleh Kerajaan A.S sebagai negara “yang menyokong pengganas”; dan (ii) anda tidak tersenarai dalam mana-mana senarai Kerajaan A.S. bagi pihak yang dilarang atau disekat.
- **Benefisiari Pihak Ketiga:** Pemberi Lesen dan anda mengesahkan serta bersetuju bahawa Apple, dan subsidiari Apple, merupakan benefisiari pihak ketiga bagi Terma Penggunaan ini dan atas penerimaan anda bagi terma dan syarat Terma Penggunaan ini, Apple berhak (dan dianggap telah menerima hak tersebut) untuk menguatkuasakan Terma Penggunaan ini terhadap anda sebagai benefisiari pihak ketiga.

Undang-undang yang Diterima Pakai

Undang-undang Negeri New York di Amerika Syarikat harus mentadbir kandungan dan penggunaan Perkhidmatan tersebut, tanpa memberi kesan kepada mana-mana konflik prinsip undang-undang atau peraturan.

Terma Penggunaan ini telah disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Sekiranya berlaku sebarang ketakkonsistenan, versi bahasa Inggeris akan diterima pakai dan mengikat pihak-pihak tersebut.

Hubungi Otis

Otis Elevator Company
1 Carrier Place
Farmington CT 06034
Attn: Office of the General Counsel
860-674-3000